

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATIN RAHIMAH BINTI HAJI MAHAD
TARIKH : 12 DISEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah satu tetapan dasar dapat dilaksanakan segera bagi membendung kanak-kanak terlibat dengan aktiviti 'basikal lajak' agar perlindungan, langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan lebih cekap dan bermakna dengan penglibatan semua pihak dapat diwujudkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini memandang serius akan kesalahan menggunakan basikal lajak secara berleluasa di atas jalan raya di kalangan kanak-kanak dan remaja. Penggunaan basikal lajak yang tidak mengikut peraturan lalu lintas yang ditetapkan boleh menimbulkan pelbagai isu kepada pengguna jalan raya yang lain seperti boleh membawa kepada kemalangan kepada pengguna basikal itu sendiri dan pengguna jalan raya yang lain. Kementerian ini melalui Jabatan Pengangkutan Jalan telah menetapkan bahawa mana-mana pengguna basikal lajak ini yang tidak mengikut peraturan lalu lintas boleh disaman dan didenda di mahkamah.
2. Jika penunggang basikal lajak ini menggunakan basikal secara membahayakan pengguna jalan raya yang lain, mereka boleh diambil tindakan di bawah seksyen 54 Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu menunggang dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang merbahaya kepada orang awam, menyebabkan kematian mana-mana orang, dan apabila disabitkan boleh denda sebanyak tiga ratus ringgit atau, jika sabitan itu sabitan kali kedua atau kemudiannya, denda sebanyak satu ribu ringgit atau penjara bagi tempoh tiga bulan.
3. Selain dari itu, tindakan juga boleh diambil di bawah kaedah 42 Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959 itu berkaitan dengan basikal hendaklah dilengkapi dengan brek yang efektif, mempunyai loceng, memegang pemegang *handle* ketika menunggang, menunggang basikal dalam satu deretan. Mana-mana penunggang basikal yang gagal mematuhi kaedah ini, mereka boleh didenda di bawah subseksyen 119(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan.

Sekian, terima kasih.